

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	25 SEPTEMBER 2016

## DR. M DAN MESEJ

UM  
25/9/2016

DALAM tulisan minggu lalu, Awang mengulas tentang penyerahan Deklarasi Rakyat oleh mantan Dr. Mahathir Mohamad kepada Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Abdul Halim, tidak memberi impak. Pada akhir komentar itu, dirumuskan bahawa beliau berisiko menjadi liabiliti kepada gerakan pembangkang.

Minggu ini, perkembangan lebih menarik perhatian. Tuanku Abdul Halim memberikan penjelasan terhadap kunjungan daripada Dr. Mahathir. Seri Paduka melalui kenyataan kepada Perdana Menteri menegaskan tidak mahu mencampuri usaha Parti Pribumi dan menyifatkan Deklarasi Rakyat tidak mengikut Perlembagaan.

Penegasan Tuanku Halim itu agak mengejutkan Dr. Mahathir.

Peristiwa yang diharap memihak kepadanya, bertukar menjadi suatu tamparan. Dengan kata lain, Tuanku Halim berjiwa besar untuk menerima Dr. Mahathir tetapi bukan untuk dipolitikkannya.

Sebelum ini beliau mendakwa Tuanku Halim dikenakan tahanan di istana dan tohmahan itu berlegar dalam kalangan masyarakat. Difahamkan, pada pertemuan itu, Seri Paduka gagal diyakinkan dengan isu ketulenan 1.4 juta, yang turut dipertikaikan oleh pelbagai pihak.

Mantan Perdana Menteri itu tersentak lagi apabila Sultan Johor, Sultan Ibrahim Iskandar pada hari yang sama mempersoalkan beliau berhubung komennya tentang bangsa Johor. Walaupun tidak menyebut nama, semua orang tahu ia ditujukan kepada Dr. Mahathir.

Ini bukan kali pertama baginda melemparkan kritikan keras terhadap beliau. Nampaknya satu demi satu percaturan Dr. Mahathir tidak menjadi. Perkembangan tersebut mendekatkan lagi beliau sebagai liabiliti bagi gerakan pembangkang.

Apa pun, Tuanku Halim dan Sultan Ibrahim telah memberi mesej yang sangat jelas buat semua, yang Dr. Mahathir tentu lebih mengerti.



**TUANKU ABDUL HALIM**



**SULTAN IBRAHIM ISKANDAR**